

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN  
[JULAU]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah bilangan usahawan usahawan daripada masyarakat Dayak yang menerima geran keusahawanan dan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan membantu mereka sejak perubahan tampuk kepimpinan negara pada Mei 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Keusahawanan yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan menyasarkan semua peringkat lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Khusus bagi usahawan Bumiputera di Sarawak, Kementerian telah mengadakan **Konvensyen Memperkasakan Usahawan Bumiputera di Kuching Sarawak pada 6 September 2018** untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan usahawan di Sarawak.

2. Seterusnya, pelbagai program keusahawanan dan bantuan pembiayaan telah disalurkan bagi membantu usahawan termasuk daripada masyarakat Dayak. Antaranya adalah:

- (i) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- (a) **Geran pembiayaan berjumlah RM 975 ribu kepada 18 buah koperasi Dayak** bagi tujuan pembelian peralatan, pembinaan premis perniagaan Koperasi, ubahsuai dan naik taraf kedai koperasi;
  - (b) **Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) berjumlah RM 780 ribu kepada 3 koperasi Dayak** bagi tujuan pembelian bangunan kedai dan modal pusingan perniagaan.
- (ii) SME Corporation (SME Corp)
- (a) **Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP)** - Sejak Mei 2018, sejumlah **65 geran bersamaan RM9.1 juta** telah diluluskan untuk PKS Bumiputera Sarawak meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan.
  - (b) **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)** - Sejak Mei 2018, sejumlah **4 syarikat Bumiputera Sarawak** telah diluluskan **geran bersamaan berjumlah RM51,732** bagi pelaksanaan aktiviti promosi dan peningkatan pembungkusan untuk memperluaskan pasaran ke luar negara.
- (iii) MaGIC
- (a) MaGIC Sarawak telah mewujudkan kerjasama strategik dengan UITM Sarawak, UNIMAS, Swinburne University dan Curtin's University bagi melaksanakan program komuniti dan "roadshow" seperti "Youth Co-Lab", "SPARK", "Idea Lab", "Startup Weekend" dan "Social Enterprise Development" kepada lepuasan

## SOALAN NO : 21

universiti dan penuntut tahun akhir universti-universiti tersebut.

- (b) MaGIC turut menjalankan program Borneo744 di Kota Kinabalu yang memberi tumpuan kepada bidang keusahawanan, kesenian dan kebudayaan. Selain itu, program **Pre-Accelerator TEGAS (Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak)** turut dilaksanakan dengan kerjasama **KOBIS (Koperasi Belia Inovatif Sarawak)** bagi menjana inovasi dan memberi pendedahan “startup” yang berinovatif.
  
- (iv) Manakala INSKEN telah melaksanakan program pembangunan modal insan menerusi latihan teknikal keusahawanan jangka pendek 2 hari 1 malam berbentuk ‘outcome-based’ dan program-program praktikal berbentuk *coaching/ mentoring* selama 4 bulan bagi membantu meningkatkan pengetahuan. Ianya bertujuan meningkatkan taraf ekonomi dan jualan perniagaan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat di Sarawak.

Sekian, terima kasih.